

Emas boleh ganti mata wang dunia utama

UM 30 MAR 2005

KOTA KINABALU 29 Mac — Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, sudah sampai masanya dunia menggantikan nilai mata wang Euro, Dollar dan Yen yang diguna pakai pada masa ini dengan emas bagi mengelakkan perniagaan mata wang oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, ini kerana perniagaan mata wang boleh menjatuhkan ekonomi sebuah negara apabila penyangkai mata wang memperdagangkannya di bawah harga pasaran.

“Emas adalah alternatif terbaik bagi menggantikan penggunaan mata wang untuk mengelakkan daripada ia diperdagangkan.

“Ia boleh dilakukan apabila semua bank mencari mekanisme tertentu bagi menggantikan penggunaan mata wang,” katanya.

Beliau berkata demikian pada

sesi dialog sebelum menutup Persidangan Antarabangsa Ketua Pegawai Eksekutif (ICC 2005) di Magellan Sutura Harbour, di sini hari ini.

Menjawab soalan lain mengenai industri hiliran petroleum dan gas di negeri Sabah, Dr. Mahathir yang juga Penasihat Petronas berkata, beliau akan mengemukakan cadangan kepada syarikat minyak negara ini supaya menjalankan pelaburan dalam industri berkenaan di negeri ini.

Katanya, pada masa ini, Petronas menumpukan perhatian dalam industri memproses bahan mentah petroleum kerana negara mengeksport bahan api tersebut ke luar sebelum mengimportnya kembali dalam bentuk yang telah diproses.

“Saya akan mencadangkan su-

paya Petronas membuat pelaburan ke sini (Sabah) walaupun terdapat kemungkinan ia boleh ditolak,” katanya.

Dr. Mahathir juga mencadangkan supaya dunia mempunyai sebuah badan yang mengenakan cukai terhadap sektor korporat.

Katanya, cukai yang dikutip itu pula boleh digunakan untuk membantu negara-negara miskin di dunia.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir dalam ucapannya memberitahu, Ketua Pegawai eksekutif (CEO) yang baik akan belajar dengan cepat dalam menangani masalah disebabkan oleh keadaan ketidaktentuan dunia pada masa ini.

Katanya lagi, setiap keputusan yang dibuat tidak seratus peratus sempurna kerana ia pasti mempunyai kekurangan.

“Justeru, kemahiran yang ada

pada CEO perlu dimanfaatkan sepenuhnya bagi mengimbangi kelebihan dan kekurangan keputusan yang dibuat,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, Perdana Menteri juga boleh dikatakan sebagai seorang CEO kerana turut menjalankan perniagaan mentadbir sebuah negara.

Katanya, ini termasuk mengurus sumber tenaga manusia dan keadaan ketidak tentuan yang datang dari dalam mahupun luar negara.

Menyentuh tentang keadaan ketidaktentuan dunia dan kesannya terhadap syarikat negara ini, Dr. Mahathir memberitahu, masalah itu tidak memberi sebarang kesan kepada syarikat-syarikat besar negara ini khususnya yang terbabit dalam bidang pembinaan.